

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSOLOR UniMAP

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL KONVOKESYEN KE-6

*** 14 SEPTEMBER 2011*8.30 MALAM***

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, merangkap Pro Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Festival Konvokesyen Kali Ke-6 Universiti Malaysia Perlis di Perkarangan Dataran Dato' Sheikh Ahmad pada malam ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua pada malam ini merupakan satu sokongan buat warga UniMAP amnya dan Majlis Perwakilan Pelajar Khasnya. Ini adalah kerana perancangan dan

pelaksanaan Festival Konvokesyen ini adalah diuruskan sepenuhnya oleh warga MPP. Dan semoga, kehadiran Duli Tuanku berdua pada malam ini turut memberi seribu kemeriahan kepada patik-patik sekalian serta warga Perlis keseluruhannya.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun, Patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalin.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mat Isa bin Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dif-dif Kehormat dan Ketua-ketua Jabatan Negeri Perlis,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi UniMAP)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP,

Yang Berbahagia Encik Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Penolong-Penolong Naib Canselor, Dekan-dekan, Ketua-Ketua

Jabatan,

Mahasiswa-mahasiswi UniMAP, wakil-wakil media dan para penaja seterusnya hadirin yang dirahmati Allah Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair.

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya dan Keizinan-Nya maka dapat kita semua menganjurkan seterusnya hadir menjayakan Festival Konvokesyen untuk kali yang ke-6 ini.

Izini saya memulakan ucapan dengan serangkap pantun penghargaan buat warga Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang telah bertungkus lumus serta mengorbankan cuti semester masing-masing untuk memastikan kelangsungan Festival ini.

**Daun semulur di pekan sari,
Kuntuman seroja harum mewangi;
Kalungan tahniah ikhlas diberi;
Komitmen kalian saya sanjungi.**

Ladies and gentlemen,

It is a great pleasure for me to welcome all of you to this event. Good evening everyone and thank you all for joining us tonight at FESTKON 2011.

First, allow me to congratulate the UniMAP's Students Council for taking the initiatives and challenges to hold this annual event. Congratulations on this achievement. You have proven time and time again what hard work and dedication can produce. The commitment and support that you have given to this event has paid off. Hats off to all of you!

I also hope everyone continues to carry forward the good team spirit in becoming the leaders of the future. Remember, this is a part of your life learning experience. There's more to come and you still have a long way to go. I wish you the best of luck in your future undertakings.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagaimana kebiasaannya, Festival Konvokesyen UniMAP merupakan satu temasya yang 100% penganjurannya atas inisiatif dan daya usaha mahasiswa UniMAP yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sendiri. Bermula dari promosi, aturan

aktiviti, pencarian penaja, sehinggalah kepada pelaksanaan Festival ini, semuanya dicituskan oleh mereka sendiri dengan bimbingan daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar UniMAP.

Sebagai generasi muda yang memegang jawatan tertinggi di peringkat mahasiswa, penglibatan MPP dan pelajar UniMAP secara langsung atau tidak membolehkan mereka mempelajari sesuatu yang berharga iaitu bidang pengurusan program secara praktikal.

Melalui pendedahan sebegini juga, pelajar tidak hanya tertumpu pada bidang akademik semata-mata namun berpeluang menyerlahkan bakat serta kebolehan mereka menguruskan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan mereka di kampus.

Pengalaman ini dilihat mampu membentuk sikap, watak serta kualiti kepimpinan mereka sehingga mereka memasuki alam kerjaya nanti.

Penglibatan sebegini juga secara tidak langsung membolehkan para mahasiswa berkomunikasi dengan pelbagai peringkat masyarakat samada dengan rakan mahasiswa sendiri, agensi dan syarikat bagi mendapatkan penajaan, dan secara tidak langsung proses ini akan membuka ruang hubungan antara universiti dan mahasiswa dengan pihak-pihak luar.

Saya percaya dengan penganjuran seperti ini akan membantu para pelajar kita untuk melengkapkan diri mereka dengan sikap kepimpinan yang tinggi.

Ianya nyata selaras dengan misi dan visi UniMAP untuk melahirkan graduan-graduan UniMAP yang mempunyai nilai diri yang lengkap, tidak hanya mampu melaksanakan tugas yang diberikan tetapi mampu mencipta keharmonian terhadap masyarakat persekitarannya walaupun berbeza agama, bangsa dan fahaman.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Penganjuran pada festival kali ini memilih tema “Sedekad Gemilang”. Pemilihan tema ini dibuat memandangkan pada tahun hadapan UniMAP akan merayakan 10 tahun kewujudannya. Jesteru pada tahun ini, saya dimaklumkan oleh pihak MPP, melalui festival Konvokesyen ini MPP berhasrat wewar-warkan nilai 10 Tahun kewujudan UniMAP tersebut untuk dirasai bahangnya oleh seluruh warga UniMAP dan juga sekalian masyarakat di negeri Perlis.

Sesungguhnya, tidak dinafikan, kewujudan UniMAP telah berjaya mengubah landskap ekonomi di negeri ini. Keseluruhan Parlimen yang ada di negeri ini mempunyai sekurang-kurangnya satu bangunan UniMAP.

Inilah yang sebenarnya kita inginkan. Kewujudan IPTA di sesebuah negeri bukan sekadar meningkatkan taraf pendidikan generasi muda sebaliknya ia mampu menyuburkan struktur ekonomi negeri melalui pelbagai sumber. Festival konvokesyen ini menjadi contoh terbaik di mana masyarakat Perlis berpeluang menjalankan perniagaan untuk menjana pendapatan sekaligus meningkatkan taraf ekonomi. Insya Allah.

Akhir kata, saya mengharapkan komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh warga MPP ini menjadi suntikan motivasi untuk warga baru UniMAP untuk meneruskan tradisi penganjuran Festival Konvokesyen UniMAP dengan jayanya di tahun-tahun akan datang.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.